

PM: SAYA TENTUKAN

Majlis - 8 NOV 1992

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan sekali-kali menamakan bakal penggantinya kerana itu boleh memecah-belahkan perpaduan parti.

Perdana Menteri berkata, sistem yang digunakan sekarang lebih demokratik kerana sistem itu menyerahkan kuasa memilih pemimpin melalui pengundian yang dibuat oleh para perwakilan.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika ditanya apakah dengan menentukan sendiri bakal pengganti boleh membantu mengukuhkan perpaduan parti.

"Saya tidak fikir tindakan ini akan dapat membantu mewujudkan perpaduan, malah ia mungkin memecah-belahkan lagi parti," katanya kepada para pemberita pada akhir hri kedua Perhimpunan Agung UMNO di sini petang ini.

Beliau berpendapat cara menamakan bakal pengganti adalah tidak demokratik.

Perdana Menteri menjelaskan, perpaduan di da-

lam parti UMNO tidak boleh dipaksa tetapi boleh dicapai hanya jikalau ahli-ahli menghargai perlunya perpaduan itu. ▲

"Saya selalu mencajangkan perpaduan tetapi ini tidak bermakna tidak wujud perpaduan di dalam parti, cuma kita mahu yang lebih baik," katanya.

Mengenai cadangan Badan Perhubungan UMNO Selangor supaya diwujudkan Biro Perpaduan UMNO untuk mengawal perpaduan parti, Dr. Mahathir berkata, Majlis Tertinggi akan mengkajinya.

Bagaimanapun, kata beliau, kewujudan biro itu belum tentu dapat menjamin perpaduan kerana apa yang lebih penting ialah budaya kerjasama di dalam UMNO.

"Kadangkala ada manusia yang tamak dan ini boleh menyebabkan berlakunya perpecahan. Bagi manusia seperti itu, jikalau ada biro perpaduan pun tidak membawa makna," tambah beliau.

Menyentuh tentang buku-buku politik yang semakin banyak dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu kebelakangan ini, Dr. Mahathir berkata perbuatan itu tidak boleh dihentikan kerana negara ini mengamalkan prinsip kebebasan.

TIDAK AKAN PENGAGANTI